

Headline ICT rangsang pendidikan sains  
Date 31 Mar 2010  
MediaTitle Utusan Malaysia  
Section Supplement  
Journalist N/A  
Frequency Daily  
Circ / Read 238,082 / 833,287

Language Malay  
Page No A10  
Article Size 265 cm<sup>2</sup>  
Color Full Color  
ADValue 5,238  
PRValue 15,713



## ICT rangsang pendidikan sains

PETROSAINS dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) telah menganjurkan Bengkel Citizen Science Petrosains bagi pelajar-pelajar dari lima buah sekolah bestari yang terpilih di seluruh negara.

Lima buah sekolah tersebut merupakan sekolah perintis atau kumpulan pertama pertama yang terpilih bagi program Citizen Science yang diperkenalkan pada 2009.

Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 18 (1), Putrajaya; SMK Datuk Sedia Raja, Negeri Sembilan; SMK Datuk Ahmad Mahir, Kelantan dan SMK Elopura, Sandakan, Sabah.

Pada tahun ini sebanyak 10 buah sekolah lagi terpilih untuk menyertai program tersebut dan kesemua sekolah yang dipilih merupakan sekolah menengah Felda dari beberapa buah negeri di seluruh negara.

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari itu diisi dengan pelbagai aktiviti menarik berkaitan sains dan teknologi yang diharapkan dapat merarik minat lebih mendalam kepada pelajar-pelajar untuk meminati mata pelajaran sains yang sangat bermanfaat kepada mereka di masa hadapan.

Antara pengisian program

termasuklah pembentangan mengenai program tersebut secara langsung oleh pelajar Sekolah Seri Puteri dan SMK Putrajaya Presint 18 (1) serta pembentangan secara persidangan web atas talian (*web conferencing*) oleh pelajar dari SMK Datuk Sedia Raja, SMK Datuk Ahmad Mahir, SMK Elopura.

Selain itu turut diadakan latihan aktiviti membangunkan laman web sekolah serta latihan projek sains di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong oleh kumpulan pelajar-pelajar bagi sesi 2010 serta Sekolah Seri Puteri dan SMK Putrajaya Presint 18 (1).

Pengarah BTP, **Datin Dr. Siti**

**Zaleha Abdullah Sani** yang menyempurnakan majlis perasmian bengkel tersebut turut merasmikan laman web Citizen Science Petrosains.

Menurutnya, program tersebut merupakan inisiatif bagi merangsang murid dan komuniti meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya inovasi.

"Teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) digunakan sebagai pengupaya untuk mempromosikan pendidikan sains dan teknologi serta menggalakkan budaya inovasi dan daya pemikiran kreatif di kalangan pelajar," katanya pada majlis tersebut di Petrosains KLCC baru-baru ini.

Tambah beliau, program itu

menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan web yang memerlukan pelajar untuk mengakses kemudahan Internet bagi mendapatkan data, berkongsi maklumat dan mengadakan perbincangan atas talian (*online*) selepas kerja-kerja amali sains dijalankan.

"Institusi pembelajaran tidak formal seperti pusat sains, muzium dan planetarium berupaya menambah pemahaman dan pengetahuan dalam bidang sains selain memberi pengalaman pembelajaran penuh makna, mudah diingati serta menambah minat pelajar merupakan alternatif kepada pembelajaran luar bilik darjah," jelasnya.

Katanya lagi, cabaran guru adalah untuk meningkatkan pengetahuan profesional mereka ke tahap lebih tinggi dan menggunakan pendekatan pengajaran

dan pembelajaran (P&P) yang inovatif serta mengikut perkembangan terbaru agar pelajar tidak ketinggalan dalam era globalisasi.

"Diharap agar Petrosains akan terus menghasilkan program-program kreatif dan inovatif seperti ini dengan melibatkan lebih banyak sekolah di masa hadapan seterusnya memastikan Citizen Science dilaksanakan dengan jayanya bagi memenuhi matlamat membudayakan ICT di sekolah," ujar beliau.



PENGARAH BTP, Datin Dr. Siti Zaleha Abdullah Sani (empat dari kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam program Citizen Science di Petrosains KLCC baru-baru ini.